

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUUKUR BANGUNAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED JWATAN/GAJI : J29, J36, J38, J40**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) diploma dalam bidang ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: RM1,935.02).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred J29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J36**

10. Penolong Juruukur Bangunan Gred J29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bangunan Gred J36 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J38**

11. Penolong Juruukur Bangunan Gred J36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bangunan Gred J38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J40**

12. Penolong Juruukur Bangunan Gred J38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bangunan Gred J40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
JURUUKUR BANGUNAN  
GRED J41**

13. Penolong Juruukur Bangunan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bangunan yang berkuat kuasa pada 2.1.2011 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010).